

BARMM berminat pelajari cara Malaysia

UM - 9/3/2019 m/c: 4

MANILA 8 Mac - Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pemimpin Wilayah Autonomi Muslim Bangsamoro Mindanao (BARMM) amat berminat untuk mempelajari cara Malaysia bagi membangunkan wilayah di Selatan Filipina berkenaan.

Katanya, kepemimpinan wilayah autonomi yang diwujudkan selepas ratifikasi Undang-Undang Organik Bangsamoro berkenaan juga berminat mempelajari cara Malaysia menyediakan peluang pekerjaan serta kaedah menggalakkan kemasukan pelabur luar ke wilayah itu.

“Mereka mempunyai ramai pejuang yang dahulu tahu berperang sahaja tetapi sekarang, pejuang-pejuang itu perlulah beralih kepada kerja-kerja pembangunan Mindanao,” katanya kepada wartawan Malaysia pada akhir lawatan tiga harinya ke Filipina di sini hari ini.

Terdahulu, Dr. Mahathir mengadakan pertemuan dengan interim Ketua Menteri BARMM, Murad Ebrahim dan Pengerusi Pihak Berkuasa Pembangunan Mindanao, Datu Abdul Khayr Alonto.

Dr. Mahathir mengakui tidak mudah membangunkan semula wilayah Mindanao termasuk



DR. MAHATHIR MOHAMAD bersalaman dengan Murad Ebrahim dalam pertemuan di Manila, Filipina, semalam. - BERNAMA

Marawi disebabkan kerosakan fizikal teruk yang dialami serta kesan psikologi daripada konflik bersenjata selama puluhan tahun, namun ia masih boleh dilakukan melalui kesediaan semua pihak memulakan kehidupan baharu.

“Kawasan ini telah berperang berpuluh tahun dan sudah tentu persepsi mereka mengenai pemerintahan, undang-un-

dang, tentang perlunya mereka kawal diri, berdisiplin, tidak sama seperti negara yang tidak pernah berlaku peperangan.

“Sekarang mereka sudah terima bahawa autonomi adalah sesuatu yang mereka berpuas hati dan sedar bahawa dalam autonomi kerajaan Pusat mempunyai kuasa juga ke atas kawasan mereka,” katanya. - BERNAMA